

**SOALAN NO. 18**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU]**

**TARIKH : 22 JULAI 2020 ( RABU )**

**SOALAN**

**PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi menaiktaraf Klinik Kesihatan Sungai Udang, Melaka lantaran penambahan bilangan penduduk setempat dan lambakan permintaan perkhidmatan kesihatan oleh pihak angkatan tentera, penduduk setempat dan rakyat di sempadan Masjid Tanah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia maklum akan keperluan untuk menaiktaraf Klinik Kesihatan Sungai Udang untuk keselesaan para pesakit. Sehubungan itu, pada tahun 2019, kerja menaiktaraf bekalan elektrik dan peti agihan di Jabatan Pesakit Luar telah pun disiapkan. Bagi tahun 2020, kerja pemberian kaunter pendispensan ubat dan kaunter pendispensan *methadone* akan dilaksanakan.
2. Bagi operasi Klinik Kesihatan Sungai Udang, pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), sistem temujanji secara berperingkat diatur supaya pesakit tidak tertumpu di klinik kesihatan pada satu-satu masa sahaja. Penilaian juga sedang dijalankan sama ada perlu penambahan waktu operasi klinik sehingga jam 9.30 malam agar dapat melaksanakan norma baharu dengan penjarakan sosial selamat, dari segi prasarana dan sumber manusia
3. Untuk jangka panjang pula, KKM mempunyai perancangan untuk membina sebuah Klinik Kesihatan Jenis 3 di Sungai Udang bagi menggantikan Klinik Kesihatan Jenis 4 sedia ada. Sehubungan itu, KKM telah mengenalpasti tapak berkeluasan 6.3 ekar kira-kira dua (2) kilometer daripada Klinik Kesihatan Sungai Udang sedia ada. KKM kini sedang mendapatkan ulasan teknikal berhubung kesesuaian tapak tersebut sebelum perolehan tapak dapat dibuat.

Sekian, terima kasih.